



## BRUNEI MEGA SALES (BMS) 2021

### A. KETERANGAN SYARIKAT

Nama syarikat perniagaan	
Nama pengurus	
Alamat persuratan	
Nombor perhubungan	(B) (P) (F)
Alamat e-mel yang aktif <i>Notis jualan akan dihantar kepada alamat e-mel ini</i>	
Alamat penuh premis perniagaan (termasuk cawangan yang ikut serta) <i>Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan alamat tersebut bersama borang ini</i>	
Jenis perniagaan	

### B. KETERANGAN BRUNEI MEGA SALES (BMS) 2021

Tarikh	01 April 2021 hingga 26 Mei 2021
Potongan peratus (%) yang akan ditawarkan	.....% hingga .....%
Aktiviti tambahan (Contoh: pemberian kupon, <i>purchase-with-purchase</i> and hadiah percuma)	

### C. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN *BRUNEI MEGA SALES (BMS) 2021*

- 1) Syarikat perniagaan yang ingin menyertai *Brunei Mega Sales (BMS) 2021* selama 56 hari bermula 01 April 2021 hingga 26 Mei 2021 perlu memaklumkan Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna (JPHEP) di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
- 2) Syarikat perniagaan dikehendaki mengisi Borang Penyertaan yang boleh dimuat turun dari laman sesawang JPES ([www.jpes.gov.bn/cad](http://www.jpes.gov.bn/cad)) atau melalui kaunter JPHEP. Borang Makluman perlu dikembalikan sama ada melalui e-mel kepada [sales@jpes.gov.bn](mailto:sales@jpes.gov.bn) atau kaunter JPHEP **tidak lewat dari 31 Mac 2021**. JPHEP akan mengeluarkan Notis Jualan yang perlu dipamerkan di tempat bersesuaian yang mudah dilihat sepanjang tempoh acara *BMS 2021*.
- 3) Maklumat senarai harga (termasuk kod, jenama, harga asal, harga selepas potongan dan potongan peratus) dan maklumat-maklumat yang relevan hendaklah sentiasa tersedia di dalam setiap premis yang mengadakan acara harga jualan murah dan sedia untuk diserahkan kepada pegawai Jabatan ini semasa pemeriksaan rambang dijalankan selaras dengan Peraturan 11(a) dan (b) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012.
- 4) ***Para peserta adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa.***
- 5) Jarak di antara dua acara harga jualan murah adalah selama 14 hari.
- 6) Semua barangan atau perkhidmatan yang dijual hendaklah dibubuh dengan terang dan jelas tanda harga asal, harga selepas potongan dan/atau potongan peratus selaras dengan Peraturan 9(1) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012. Harga asal bermaksud harga normal paling rendah yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dalam masa menjalankan perniagaan di premis yang sama dalam tempoh 30 hari sebelum *BMS 2021* bermula.
- 7) Setiap pengiklanan melalui media perlu disertakan (i) nombor pendaftaran menyertai *BMS 2021*; (ii) jenis barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan; dan (iii) tempat *BMS 2021* diadakan. Pengiklanan hendaklah jelas agar tidak mengelirukan pengguna. Kain rentang dan iklan hendaklah menggunakan tajuk *Brunei Mega Sales (BMS) 2021* dan boleh dipasang dan dikeluarkan seawal-awalnya 3 hari sebelum acara *BMS 2021* bermula.
- 8) Syarikat perniagaan akan dipertanggungjawabkan jika menerima sebarang aduan daripada orang ramai mengenai barangan atau perkhidmatan yang dijual atau ditawarkan semasa *BMS 2021* yang melibatkan:
  - a. barang-barang yang mempunyai kualiti boleh-dagang;
  - b. barang-barang atau perkhidmatan sesuai dengan munasabah untuk tujuan-tujuannya; dan
  - c. waranti atau jaminan ke atas barang-barang atau perkhidmatan.
- 9) Peserta *BMS 2021* dikehendaki mematuhi syarat-syarat di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012 termasuk menyatakan keterangan yang benar di dalam Borang Penyertaan. Kegagalan dalam mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah dikira sebagai melakukan suatu kesalahan. Kesalahan-kesalahan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000. Jika masih berulang boleh dikenakan denda sebanyak BND5,000 serta 2 tahun penjara dan kesalahan berikutnya BND20,000 serta 5 tahun penjara. Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012 boleh dimuat turun di laman sesawang JPES (<http://jpes.gov.bn/cad/Home.aspx>).

#### D. PENGAKUAN

Syarikat perniagaan saya dengan ini bersetuju serta bertanggungjawab dalam mematuhi syarat-syarat *Brunei Mega Sales (BMS) 2021* selaras dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012.

.....

Tandatangan & Cop Syarikat  
[Nama: ]

Tarikh: .....

#### E. KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

No. Fail:

Diterima oleh:

.....

Tarikh

( )

Didaftarkan oleh:

.....

Tarikh

( )

Nota: